

25.7.02

028



# Tabika Kemas: Ibu bapa usah bimbang



HALIMAH

**M**ERSING 24 Julai — Ibu bapa tidak perlu bimbang untuk menghantar anak-anak mereka mengikuti program prasekolah di tabika Kemas kerana kurikulumnya disediakan oleh Kementerian Pendidikan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Hal Ehwal dan Kesihatan, Halimah Mohd. Sadique berkata, mereka tidak seharusnya bimbang dan terikut-ikut dengan pelbagai cerita yang mendakwa kanak-kanak yang belajar di tabika Kemas hanya ta-

hu bermain dan bernyanyi sahaja.

Katanya, ibu bapa perlu melihat ke dalam pengisian pelaksanaan kurikulum tabika iaitu untuk menggalakkan perkembangan sosial, emosi, fizikal, intelek dan rohani kanak-kanak yang disampaikan oleh guru-guru menerusi pelbagai pendedahan, penerokaan dan interaksi.

“Kurikulum yang terdapat di tabika Kemas mencukupi dan telah disediakan oleh Bahagian Kurikulum Kementerian Pendidikan.

“Oleh itu kita lihat proses pelaksanaan kurikulum tabika ialah berasaskan konsep memberi pendidikan secara tidak formal iaitu belajar melalui bermain, kemudian diperluaskan untuk menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira),” katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas menutup Hari Sukan Tabika Kemas peringkat negeri Johor di sini semalam.

“Sebenarnya pengisian program yang terkandung dalam pendidikan praseko-

lah ialah menyediakan murid dengan asas ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni yang diperlukan dalam kehidupan,” katanya.

Katanya, kandungan program prasekolah telah dikenal pasti melalui sembilan bidang pengalaman iaitu, pendidikan tatanegara, pendidikan Islam, pendidikan moral dan kerohanian, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, perkembangan fizikal, perkembangan sosioekonomi, perkembangan kognitif, perkembangan daya kreatif dan estetika.